



جابتني أئمماً إسلام فـي رـاـق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(64)

Tarikh: 13 Muharam 1447H
9 Julai 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

| | |
|--------|---|
| Tarikh | 11 Julai 2025 / 15 Muharam 1447 |
| Tajuk | Pemanduan Berhemah – Amanah di Jalan Raya |

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

“PERAK SEJAHTERA 2030”



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"PEMANDUAN BERHEMAH – AMANAH DI JALAN RAYA"

11 Julai 2025 / 15 Muharam 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْ صَنِعْكُمْ وَإِيَّاهُمْ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"PEMANDUAN BERHEMAH – AMANAH DI JALAN RAYA"

Firman Allah SWT, melalui ayat 13 surah Al-Zukhruf:

﴿لَتَسْتَوْا عَلَىٰ ظُهُورِهِ ثُمَّ تَذَكَّرُو نِعْمَةَ رَبِّكُمْ إِذَا أَسْتَوْيَتُمْ عَلَيْهِ وَتَقُولُوا سُبْحَانَ
الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ﴾
13

Bermaksud: Supaya kamu duduk tetap di atas belakangnya kemudian kamu mengingati nikmat Tuhanmu apabila kamu telah duduk tetap di atasnya dan kamu (bersyukur dengan) mengucapkan "Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, padahal kami sebelumnya tidak mampu menguasainya".

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Pemanduan berhemah bermaksud mengendalikan kenderaan secara selamat; memerihalkan tatacara pemanduan yang cermat, tertib, tenang dan tidak tergesa-gesa, mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya, di samping mengambil peduli akan keselamatan diri dan pengguna jalan raya lain.

Amanah di jalan raya menuntut ummah mengendalikan kenderaan secara berhemah, memanfaatkan jalan raya dengan baik, sebagai laluan memudahkan sampai ke destinasi yang dituju. Jalan raya merupakan kemudahan awam yang diguna setiap hari oleh pelbagai jenis kenderaan termasuk pejalan kaki; digunakan untuk pelbagai urusan harian seperti pergi bekerja, pulang ke kampung, menghantar anak ke sekolah, melancong, bermusafir, menghantar barang dan sebagainya.

Telah ditetapkan peraturan dan undang-undang ketika mengguna jalan raya, bertujuan melindungi keselamatan dan nyawa pengguna. Di sisi Islam, memandu secara berhemah merupakan ikhtiar yang dituntut, demi melindungi diri dan keselamatan orang lain daripada musibah kemalangan. Ramai pihak akan mengalami kesengsaraan apabila berlaku kemalangan jalan raya. Kemalangan jalan raya telah mengakibatkan kerugian harta, kecacatan anggota, malah kehilangan nyawa.

Kini, teknologi moden telah membolehkan kenderaan dilengkapi dengan sistem keselamatan yang canggih, bertujuan melindungi keselamatan dan nyawa pengguna. Walau bagaimanapun keselamatan sangat bergantung kepada sikap pengguna jalan raya.

Saban tahun kemalangan jalan raya semakin meningkat; tragedi kemalangan yang ngeri dan menyayat hati terus berlaku. Sembilan orang anggota Pasukan Polis Simpanan Persekutuan atau ‘FRU’ dalam perjalanan pulang selepas bertugas, terkorban, sementara sembilan orang lagi cedera parah dalam kemalangan jalan raya yang sangat mengerikan, berlaku di Teluk Intan pada pagi 13 Mei tahun ini; pada 9 Jun, 15 orang siswa-siswi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terkorban dan 27 orang lagi cedera disebabkan kemalangan jalan raya yang sangat menghibakan yang berlaku di Gerik.



Setiap kemalangan jalan raya mengakibatkan pelbagai kecederaan; ramai mangsa yang mengalami kecacatan secara kekal, hilang upaya disebabkan cacat atau hilang anggota atau menjadi lumpuh. Tidak kurang pula yang terkorban, mengakibatkan ibu bapa kehilangan anak, anak kehilangan ibu bapa, suami kehilangan isteri atau isteri kehilangan suami.

Dalam banyak kejadian, sikap mementingkan diri sendiri merupakan punca berlaku kemalangan jalan raya, antaranya sikap terburu-buru, melebihi had laju, gagal mengawal emosi, memandu dalam keadaan mabuk atau dipengaruhi dadah, mengantuk atau kurang sihat, tiada tumpuan kerana turut menggunakan telefon semasa memandu, cuai dan leka, memotong di garisan berkembar, menyalah gunakan lorong kecemasan, menukar lorong secara mengejut tanpa memberi isyarat, tidak menjarakkan kenderaan dengan betul, tidak memasang tali pinggang keselamatan atau topi keledar, dan keadaan kenderaan yang tidak diselenggarakan dengan baik.

Turut menjadi punca ialah keadaan jalan raya yang tidak diselenggarakan dengan baik, jalan tidak rata, berlubang dan berlopak, jalan yang tidak cukup pencahayaan dan tanda isyarat pada waktu malam, dan sebagainya.

Jemaah yang dikurniai petunjuk Ilahi

Syariat Islam amat mementingkan nilai nyawa manusia. Nilai tinggi yang diletakkan pada nyawa terbukti melalui salah satu dari *Maqasid Syariah* yang menekankan kepentingan memelihara nyawa (حفظ النفس). Hadis Rasulullah SAW, yang dijadikan kaedah fiqh dalam penentuan hukum, menetapkan larangan mendatangkan kemudarat dalam kehidupan. Sabda Rasulullah SAW:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارٌ

Bermaksud: Tidak boleh memudaratkan (diri sendiri) dan tidak boleh memudaratkan (orang lain). (Hadis Riwayat Ahmad)



Oleh itu, memandu secara berbahaya, serta tidak mematuhi undang-undang jalan raya, yang mengundang kemudaratan pada nyawa amat ditegah oleh agama dan dianggap berdosa di sisi syarak. Ummah wajib mengamalkan sifat sabar, bertimbang rasa, bertenang dan bertolak ansur terhadap pengguna jalan raya lain selaras dengan hadis Rasulullah SAW:

إِنَّ فِيكُ خَصْلَتِينِ يُحِبُّهُمَا اللَّهُ أَخْلَمُ وَالْأَنَّا

Bermaksud: Sesungguhnya pada dirimu ada dua sifat yang Allah SWT menyukainya iaitu lemah lembut dan bertenang. (Hadis Riwayat Tirmizi)

Mimbar menyenaraikan beberapa peringatan:

Pertama: Sebelum memandu, periksa dan pastikan kenderaan berada dalam keadaan selamat, serta telah diselenggarakan dengan baik berpanduan jadual yang ditetapkan.

Kedua: Pastikan pemandu mendapat tidur dan rehat secukupnya terutama untuk perjalanan yang jauh, atau rancang perjalanan dengan memandu secara bergilir bersama teman perjalanan.

Ketiga: Mulakan pemanduan atau perjalanan dengan membaca doa seperti yang terkandung dalam ayat 13 dan 14 surah al-Zukhruf yang khatib bacakan pada awal khutbah:

"Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, padahal kami sebelumnya tidak mampu menguasainya".

Keempat: Ketika memandu, lakukan kegiatan bermanfaat yang boleh mendekatkan diri kepada Ilahi seperti mendengar bacaan al-Quran, mengulang hafalan al-Quran, berzikir, beristighfar dan berselawat.



Kelima: Mematuhi undang-undang, peraturan jalan raya, had laju dan had muatan mengikut yang dibenarkan. Peka terhadap kawasan sekeliling seperti memperlahangkan kenderaan ketika melalui kawasan sekolah, hospital, perumahan dan kawasan melintas pejalan kaki.

Keenam: Jauhi perbuatan berbahaya seperti berlumba, membuli pengguna jalan raya, melakukan aksi ngeri, dan memandu secara cuai.

Ketujuh: Pemilik dan pengusaha syarikat pengangkutan, jangan hanya mementingkan keuntungan, tetapi hendaklah bertanggungjawab mematuhi had muatan barang yang dibenarkan; memastikan jadual kerja pemandu yang membebankan sehingga mereka tidak memiliki masa rehat yang cukup; melakukan ujian kesihatan berkala terhadap pemandu; serta memberhentikan perkhidmatan pemandu yang memiliki rekod kesalahan jalan raya yang tinggi.

Kelapan: Pihak berkuasa meningkatkan usaha penyelenggaraan jalan raya secara berkala.

Kesembilan: Pihak penguat kuasa menguatkuasakan undang-undang dan peraturan secara tegas tanpa pilih kasih terhadap pemandu dan kenderaan yang melanggar undang-undang dan peraturan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آئِلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الْذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَرْqَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Hafiz! Kurniai kami keselamatan dan perlindungan ketika kami menggunakan jalan raya. Bimbing kami untuk mengamalkan pemanduan berhemah seterusnya menyempurnakan amanah ketika menggunakan jalan raya. Jadikan setiap perrusafiran kami sebagai amal soleh yang direndai oleh Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.